

18 APR 2001

Pekerja/I

PEKERJA PERLU TINGKAT KEMAHIRAN BAGI HADAPI PERUBAHAN

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Para pekerja perlu menyesuaikan diri dengan perubahan, meningkatkan kemahiran dan berkongsi pengetahuan bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan daya saing negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Dr Abdul Latiff Ahmad berkata majikan dan pekerja perlu menyesuaikan diri dengan perubahan dan sentiasa bersedia untuk belajar.

"Kementerian sedang berusaha untuk mengiktirafkan pekerja kolar biru juga sebagai profesional dan mengubah persepsi berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Bengkel mengenai Pembelajaran di Tempat Kerja Dalam Dunia Global di sini hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira dengan pencapaian kementerian itu berhubung latihan kemahiran tetapi ia masih memerlukan perubahan sikap.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Abdul Latiff berkata antara elemen penting ialah meningkatkan pengetahuan pekerja dengan segera dan berkesan.

Katanya, pembangunan sumber manusia adalah penting bagi membantu pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Arah tujuan pembangunan sumber manusia ialah menyediakan pekerja yang mampu menghadapi cabaran masa depan, melengkapinya dengan kemahiran teknologi dan tahap kemahiran berfikir yang tinggi," katanya.

Antara yang menghadiri bengkel itu ialah Ketua Pengarah Majlis Pembangunan Sumber Manusia Yau De Piyau, Pengerusi Persekutuan Pekilang Malaysia Tan Sri Zain Hashim dan tiga wakil Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Ian Cummings, Trevor Riordan dan Kyung-Woo Shim.

-- BERNAMA

AN AHH MOZ